

**TINGKATAN EMPAT****BAB 1 : SUMBANGAN TAMADUN INDUS***Eksplotasi Sg. Indus*

- masyarakat Lembah Indus mengeksploitasi Sungai Indus untuk memajukan kehidupan harian mereka.

*Perancangan bandar*

- mewujudkan sebuah bandar terancang seperti Mohenjo-Daro dan Harappa
- disusun berdasarkan bentuk segi empat yang diikuti oleh jalan raya yang lurus.
- masyarakat Lembah Indus meningkatkan mutu bahan binaan.
- batu bata itu. dihasilkan melalui pembakaran dengan suhu yang tinggi.

*Hubungan Luar*

- Hubungan dengan tamadun Mesopotamia serta tamadun Mesir Purba telah membolehkan kedua-dua belah pihak memperoleh manfaatnya sama ada dalam bentuk pertukaran teknologi atau seumpamanya.
- Dalam konteks hubungan antara tamadun Indus dengan tamadun Mesopotamia, segala pengaruh dari luar itu disesuaikan dengan keadaan dan suasana tempatan.

*Keamanan*

- Tamadun Indus mengajar kita bahawa kedamaian dan keamanan ialah tunjang kepada kekuatan sesebuah bangsa untuk mencapai kemajuan dan kecemerlangan.

**BAB 1 : SUMBANGAN TAMADUN HWANG HO***Politik*

- Sistem pernerintahan monarki telah diteruskan hingga ke zaman Dinasti Ching.
- Hanya sedikit perubahan dilakukan terutama gelaran raja ditukar kepada maharaja.
- Konsep anak syurga dan mandat dari syurga yang dikaitkan dengan raja (maharaja) dan amalan putaran dinasti diteruskan oleh dinasti-dinasti di China hingga abad ke-20.

*Ekonomi*

- Terusan-terusan dibina untuk mengairkan kawasan pertanian selain mengelakkan berlakunya banjir.

- Sistem pengairan ini telah diteruskan pada zaman Chin oleh Shih Huang Ti ke kawasan barat daya China.
- Sebuah terusan telah dibina di Szechwan untuk mengairkan kawasan pertanian di wilayah tersebut.
- Pernbangunan dalam sektor pertanian ini juga membawa kepada kemajuan dalam teknologi pembajakan serta penciptaan cangkul dan sabit.
- Pada zaman ini juga petani mula menggunakan batas untuk tujuan penanaman.
- Petani China mula menggantikan alat pertanian yang dibuat daripada kayu dengan yang dibuat daripada besi secara evolusi.

*Sistem Tulisan*

- Sistem tulisan ini berkembang secara evolusi dan masih digunakan oleh orang China sehingga hari ini.
- Penggunaan tulisan ini adalah meluas dan digunakan dalam bidang penulisan dan percetakan.
- Tulisan ini juga diajar di sekolah-sekolah di China.
- Malahan tulisan ini terus berkembang dengan penggunaannya oleh orang Korea dan Jepun.

*Kepercayaan*

- Salah satu kepercayaan yang masih berkekalan sehingga hari ini ialah pemujaan roh nenek moyang.
- Unsur pemujaan yang telah dijalankan sejak zaman Shang ini telah diteruskan mengikut kesesuaian masa.
- Misalnya, unsur korban manusia tidak lagi diamalkan dan digantikan dengan unsur makanan, duit kertas, dan barang perhiasan.
- Konsep Yin dan Yang serta Feng Hsui merupakan dua daripada kepercayaan yang masih terdapat dalam masyarakat China sehingga hari ini.

*Kalendar*

- Sistem kalendar telah diperkenalkan semasa pemerintahan Shang,
- Terdapat 30 hari dalam sebulan dan 360 hari dalam setahun.
- Raja menggunakan kalendar untuk menentukan musim menanam dan musim menuai.

- Amalan menggunakan kalendar ini diter-uskan untuk menjalankan aktiviti harian seperti upacara perkahwinan, perburuan ataupun pengkebumian.

#### *Falfafah*

- Pengamalan falsafah perang Sun Tzu. Karyanya, *the Art of War* yang membicarakan selok belok perang dan bagaimana menangani musuh
- Buku ini telah diulang cetak ke dalam pelbagai bahasa.
- Pada hari ini, falsafah tersebut diaplikasikan pula sebagai taktik dalam urusan perniagaan.

---

#### **BAB 4 : KEPERIBADIAN NABI MUHAMMAD**

---

- Nabi Muhammad s.a.w. memiliki empat sifat terpuji yang utama, iaitu **siddiq** (berkata benar), **amanah** (dipercayai), **tabliq** (menyampaikan) dan **fatanah** (bijaksana).
- Baginda digelar **al-Amin** oleh orang Arab Quraisy kerana perkataan dan perbuatan baginda sentiasa dipercayai dan tidak pernah berbohong.
- Nabi juga bersifat dengan sifat **amanah** sehingga menyebabkan Khadijah binti Khuwailid menyerahkan modal yang besar kepada baginda untuk diperniagakan.
- Setelah dilantik menjadi rasul, baginda telah **menyampaikan ajaran Islam dengan bersungguh-sungguh**.
- Nabi mempunyai **pernimpin yang unggul**
- Buktinya - semasa berumur 35 tahun, baginda pernah menyelesaikan suatu persengketaan di kalangan kabilah Quraisy.
- Persengketaan itu berpunca daripada peristiwa untuk meletakkan semula Hajar Aswad (batu hitam) ke tempat asalnya, iaitu di penjuru timur Kaabah. Hajar Aswad (batu hitam) ini terjatuh semasa banjir melanda kota Makkah.
- Baginda juga ketua keluarga yang patut dicontohi kerana kepimpinannya serta **sifat pengasihnya** dan **timbang rasanya**.
- Baginda sering membantu isterinya memasak, menampal pakaian van koyak, melayan anak, dan membersihkan rumah.
- Anak-anak diberikan pendidikan agama secukupnya dan baginda menjadikan diri baginda teladan kepada anak-anak.
- Hal ini juga menunjukkan bahawa baginda **mengamalkan cara hidup yang sederhana**. – bukti : Baginda bergaul dengan semua lapisan masyarakat sama ada yang kaya atau yang miskin.

- Baginda juga bersifat **penyayang** terhadap orang tua dan juga kanak-kanak.
- Baginda juga bersifat **pemaaf**.
- Contohnya, semasa pembukaan semula kota Makkah pada tahun 630 M., orang Arab Quraisy yang menyerah diri telah diampunkan dan dibebaskan.
- Nabi Muhammad s.a.w. juga terkenal dengan sifat **bijaksana** dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
- Sifat ini terserlah semasa baginda memeterai Perjanjian Hudaibiyah pada tahun 628 M. dengan orang Arab Quraisy Makkah.
- Walaupun kandungan perjanjian tersebut kelihatan berat sebelah, baginda menerima sebagai satu hikmah untuk menyebarkan Islam seterusnya.

---

#### **BAB 5 : HIJRAH**

---

##### **Konsep Hijrah**

###### *Bahasa*

- Hijrah* ialah perkataan Arab yang bermakna berpindah.

###### *Konteks tamadun Islam*

- hijrah bermaksud perpindahan orang Islam dari kota Makkah ke Madinah dalam usaha untuk memperkuuh kedudukan Islam serta merupakan strategi baru untuk menyebarkan Islam.

###### *Pengertian yang lebih luas dan mendalam*

- iaitu perjuangan untuk menegakkan kebenaran dan meninggalkan keburukan dan kejahanat.
- Hijrah juga boleh dilambangkan dengan semangat ingin berubah dan perubahan ini boleh berlaku dalam pelbagai keadaan seperti perubahan dari segi sikap, cara berfikir, dan tingkah laku

###### *Orientalis Barat*

- Orientalis Barat mentafsirkan hijrah secara negatif, iaitu sebagai suatu pelarian.

###### *Empat Hujah menolak pandangan orientalis Barat*

- Penghijrahan orang Islam Makkah ke Madinah adalah kerana jemputan orang Arab Madinah seperti yang tercatat dalam Perjanjian Aqabah Kedua.
- Ketibaan orang Islam Makkah ke Madinah juga telah disambut dengan rela dan meriahnya oleh orang Madinah.
- Orang Islam Makkah diberikan tempat tinggal yang sewajarnya selain dijamin tentang keselamatan mereka oleh orang Arab Madinah.

4. Nabi Muhammad s.a.w. pula telah dilantik sebagai pemimpin Madinah dan baginda diterima oleh kesemua golongan masyarakat Madinah termasuk orang bukan Islam.

#### Peristiwa Penghijrahan Nabi

- Bermula setelah baginda berjaya melepaskan diri daripada kepungan pemuda Quraisy terhadap rumah baginda.
- Sebelum itu, Ali bin Abu Talib telah menawarkan diri untuk tidur di tempat tidur baginda dengan menggunakan selimut baginda.
- Setelah keluar dari rumah, baginda telah menemui Abu Bakar al-Siddiq dan menyatakan tentang perintah Allah supaya baginda berhijrah.
- Baginda dan Abu Bakar al-Siddiq telah bersembunyi di Gua Thur sebelum meneruskan hijrah ke Madinah.
- Perjalanan baginda dan Abu Bakar al-Siddiq ke Madinah dipandu oleh Abdullah bin Arqat.

#### Sebab dan Tujuan Hijrah

##### Perintah Allah

- Faktor utama penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah adalah disebabkan perintah Allah menerusi wahyu.
- Dalam wahyu ini, Allah telah menyatakan niat dan pakatan orang Quraisy untuk membunuh baginda dan Allah telah memerintahkan baginda supaya segera beriijiji.
- Perintah ini yang berasaskan ayat al-Quran, iaitu surah al-Anfal telah mendorong penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. ke kota Madinah.

##### Meneruskan Penyebaran Islam

- Di Makkah, ancaman daripada orang Arab Quraisy telah menjelaskan aktiviti penyebaran Islam.
- Walau bagaimanapun, penghijrahan itu bukan bererti yang orang Islam kecewa dengan penentangan tersebut tetapi ini merupakan strategi Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengembangkan Islam.
- Bagi Nabi Muhammad s.a.w. suasana aman di tempat baru akan memudahkan lagi penyampaian dakwah Islamiah.

##### Bersatu Padu

- Hijrah juga membolehkan sebuah masyarakat Islam yang bersatu padu dan sempurna diwujudkan.

#### Jemputan Orang Madinah

- Hijrah Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah adalah disebabkan jemputan masyarakat Arab Madinah yang sedang menghadapi pelbagai konflik.
- Pada ketika itu, suku Aus dan Khazraj di Madinah sering bertelaah sesama sendiri dan ekonomi mereka pula dikuasai oleh orang Yahudi.
- Oleh itu, orang Arab Madinah memerlukan pemimpin yang berkaliber seperti Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengetuai kepimpinan mereka.
- Baginda juga diperlukan untuk mendamaikan masyarakat Madinah yang sentiasa bermusuhan.

#### Kepentingan Hijrah

##### Dakwah

- Dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan aman dan tanpa berselindung lagi, sedangkan di Makkah seruan terhadap Islam sering terganggu.

##### Damai

- Hijrah juga turut memberikan peluang kepada baginda untuk mendamaikan suku Arab di Madinah yang sering bersengketa khususnya suku Aus dan Khazraj, melalui semangat persaudaraan sesama Islam.

##### Hubungan Persaudaraan

- Penghijrahan ini juga telah menjalinkan hubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah.
- Hubungan ini terjalin melalui sikap yang diperlihatkan oleh orang Islam Madinah sehingga orang Islam Makkah yang berhijrah itu tidak berasa asing atau rendah diri berada dalam masyarakat baru yang terbentuk di Madinah.

##### Bersatu Padu (Aus+Khazraj)

- Nabi Muhammad s.a.w. memberikan gelaran Muhajirin kepada orang Islam Makkah yang berhijrah ke Madinah manakala orang Islam Madinah yang memberi bantuan kepada Muhajirin digelar Ansar

##### Perpaduan Antara Budaya dan Agama

- Hijrah telah dapat menyatupadukan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai budaya dan agama. Perpaduan ini telah melahirkan kehidupan yang harmoni di Madinah.

**Sejahtera**

- Masyarakat Madinah dapat menjalankan kegiatan ekonomi, agama, dan kegiatan lain untuk menikmati kesejahteraan dan kemakmuran hidup.
- Tanpa perpaduan, keharmonian hidup dalam sesebuah masyarakat atau negara tidak akan wujud.

**Bina Masjid**

- Di Madinah, Nabi Muhammad s.a.w. telah membina sebuah lagi masjid, iaitu Masjid al-Nabawi.
- Masjid telah dijadikan sebagai tempat untuk beribadat dan belajar di samping sebagai tempat untuk bertemu dan membincangkan masalah yang dihadapi oleh orang Islam
- Di kawasan persekitaran masjid - orang Islam boleh mengadakan aktiviti harian seperti berjual beli.

**Kiraan Tahun Hijrah**

- Sempena hijrah, wujud kiraan tahun hijrah dalam takwim Islam.
- Takwim hijrah ini telah mula digunakan pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin kedua, Khalifah Umar bin al-Khattab.

**Nama Yathrib ditukar kepada Madinah**

- Nabi Muhammad s.a.w. telah menukar nama Yathrib kepada Madinah al-Munawwarah atau kota bercahaya.
- Perubahan pada nama Yathrib ini hari ini merupakan salah satu usaha baginda untuk menjadikan Madinah sebagai pusat tamadun Islam dan agama Islam menjadi cara hidup yang merangkumi semua bidang tennasuk politik, ekonomi dan sosial.

**Masyarakat Cemerlang**

- Hijrah juga menunjukkan bahawa sikap toleransi kaum dan tolong-menolong boleh melahirkan masyarakat cemerlang.
- Dalam konteks hijrah ke Madinah, orang Madinah telah memberikan bantuan yang besar kepada orang Islam Makkah yang berhijrah.
- Mereka sanggup memberikan tempat tinggal, menyediakan makanan dan keperluan asas yang lain, serta menerima orang Islam Makkah sebagai saudara dan sebahagian daripada masyarakat Madinah. Oleh itu, sikap sedia berkorban, bekerjasama, dan tolong-menolong untuk membangunkan negara hams tersemat dalam jiwa kita.

**Bukti Sokongan dan Pengorbanan Sahabat**

- Abu Bakar al-Siddiq sanggup bergadai nyawa dan harta semata-mata untuk melindungi baginda semasa berhijrah.
- Ali bin Abu Talib pula sanggup tidur di tempat tidur baginda pada malam penghijrahan, semata-mata untuk mengelirukan orang Arab Quraisy yang mengepung rumah baginda.
- Abdul Rahman bin Auf, saudagar yang kaya, sanggup menyumbangkan hartanya demi membantu masyarakat Islam yang tidak berkemampuan.

**Memperlihatkan Peranan Penting Wanita**

- Puteri Abu Bakar al-Siddiq, Asma' telah berani menghantar makanan dan menyampaikan berita tentang gerakan orang Quraisy kepada Nabi Muhammad s.a.w di Gua Thur walaupun menyedari tindakannya berbahaya serta laluan ke Gua Thur berliku dan berbatu besar.

**Menunjukkan Ketabahan Hati Dan Kebesaran Jiwa Nabi**

- Baginda sanggup berkorban dan meninggalkan kesenangan hidup demi memperjuangkan Islam.
- Selain itu, baginda juga tidak pernah berputus asa apabila menempuh kegagalan. Sifat positif baginda ini patut dicontohi.

**Menampakkan Kebijaksanaan Nabi Muhammad S.A.W. Mengatur Strategi**

- Semasa berhijrah, baginda tidak terus berangkat ke Madinah tetapi bersembunyi terlebih dahulu di Gua Thur.
- Baginda memilih jalan lain, iaitu jalan ke selatan menuju ke Tihamah berhampiran Laut Merah.
- Baginda berpendapat jalan ke Madinah menerusi utara Makkah kurang selamat.

**BAB 7 : TEORI KEDATANGAN ISLAM****3 teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara**

1. Teori Islam datang dari Semenanjung Tanah Arab
2. Teori Islam datang dari China
3. Teori Islam datang dari India

**Teori Islam Datang Dari Semenanjung Tanah Arab****Pendokong Teori**

- John Crawford
- Prof. Syed Muhammad Naquid al-Attas

**Alasan John Crawford**

- Catatan Cina menyatakan orang Arab dan Parsi telah menetap di Amoy dan Canton, China sejak 300 masihi
- Terdapat perkampungan Islam "Ta Shih" di Sumatera Utara
- Pelabuhan Melaka menjadi pusat persinggahan pedagang Arab yang akan ke China

**Alasan Prof Naquib al-Attas**

- Bahan penulisan sastera di Asia Tenggara sama dengan bahan penulisan sastera Arab
- Tulisan jawi berasal dari huruf Arab
- Karya Asia Tenggara mencatatkan raja-raja diislamkan oleh syeikh dari Tanah Arab
- Terdapat adat resam Melayu yang sama dengan adat resam Arab

**Bukti-Bukti Sampingan**

- Kitab-kitab Melayu dikarang menggunakan bahasa dan gaya penulisan Arab. Contohnya Hikayat Nabi Bercukur
- Pada peringkat awal tiada unsur India atau China dalam kitab karangan ulama tempatan
- Kitab tempatan seperti tauhid , tafsir al-Quran menggunakan bahasa Arab dan sumber rujukan dari Tanah Arab

**Teori Islam datang dari China****Pendokong Teori**

- Emanuel Gadinho Eredia
- S.Q. Fatimi

**Pendapat Emanuel Gadinho Eredia**

- Pedagang Cina yang datang berdagang ke Asia Tenggara
- Pedagang Cina menganut agama Islam melalui kegiatan peniaga Arab di Canton atau Khan Fo.

**Pendapat S.Q Fatimi**

- Berlaku perpindahan beramai-ramai pedagang Cina Canton atau Amoy ke Asia Tenggara
- Penemuan Batu Bersurat di Terengganu

**Bukti-Bukti Sampingan**

- Seni bina China terdapat pada masjid-masjid di Nusantara
  - Bumbung melentik
  - Atap merah

**Teori Islam datang dari India****Pendokong Teori**

- Souck Hurgronje

**Pendapat Snouck Hurgronje**

- Terdapat hubungan perdagangan yang telah lama dengan pedagang India
- Pelabuhan Gujarat, India terkenal di kalangan pedagang Islam
- Budaya India diamalkan oleh masyarakat Asia Tenggara
- Batu nisan Malik Ibrahim di Jawa mempunyai ciri-ciri buatan India

**BAB 8 : PENGARUH ISLAM TERHADAP EKONOMI****Perdagangan**

- Pedagang Islam mendominasi perdagangan di Lautan Hindi dan Laut China Selatan
- Pedagang Melayu terbabit secara aktif dalam perdagangan rangkaian timur dan barat
- Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting
- Kerajaan Melaka menyediakan kemudahan pentadbiran yg lincin dan teratur
- Jwtn Laksamana dan Syahbandar diperkenalkan.
- Terdapat plg krg 84 bahasa dituturkan di Melaka
- Sistem timbang dan sukat telah diperkenalkan di Melaka- menggunakan sistem tahil dan kati. – menggunakan dachin
- Sistem timbangan bahara turut digunakan
- Negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu turut turut menjadi pusat perdagangan

**Mata Wang**

- Negeri2 Melayu menggunakan mata wang yg diperbuat drpd timah
- Mata Wang Melaka – berbentuk bulat, - beratnya satu kati lapan tahil – nama sultan dan tarikh dicatat pd mata wang
- Mata wang dr Pasai, Hormuz dan Cambay turut digunakan di Melaka
- Mata wang Johor diperbuat drpd timah, dikenali sbg wang katun, berbentuk bulat atau segi enam – tidak mempunyai tarikh – mempunyai tulisan jawi atau Arab
- Mata wang Kedah – berbentuk seekor ayam jantan hinggap di atas beberapa cincin.
- Mata wang emas digunakan secara meluas di Kedah dan Johor pada abad ke-16.
- Mata wang Johor digelar kupang
- Mata wang Kelantan dikenali sebagai kijang
- Tiap-tiap mata wang tertera nama sultan yang memerintah
- Bahagian belakang tertulis gelaran Islam Sultan spt Khalifatul Muslimin
- Pedagang Eropah menggunakan wang perak

- Pedagang India, China dan Arab menggunakan mata wang emas

#### Percukaian di Melaka

- Pedagang diwajibkan membayar cukai terhadap barang dagangan sebelum urusan perdagangan dilakukan
- Cukai plg asas ialah cukai tetap (cukai import)
- Pedagang dari India, Ceylon, Tanah Arab, Siam & Pegu – dikenakan cukai 6% drpd jumlah barang yang dibawa
- Pedagang dari Jepun & China – 5%
- Orang asing yang menetap di Melaka dikenakan cukai – dari kepulauan Melayu 3% - orang asing 6%

#### Amalan Riba

- Amalan riba tidak dibenarkan dalam perniagaan
- Walau bagaimanapun golongan ceti dibenarkan menjalankan aktiviti mereka
- Larangan riba terdapat dalam Hukum Kanun Melaka dan Hukum Kanun Pahang

#### Zakat

- Pemerintah menekankan golongan kaya & berkemampuan membayar zakat harta
- Kutipan disimpan oleh baitulmal
- Digunakan bagi kepentingan dan kemakmuran negara serta sebagai sumber bantuan kepada masyarakat yang memerlukan

---

#### BAB 9 : ZAMAN GELAP

---

##### Ciri-ciri Zaman Gelap,

- Masyarakat Eropah telah mengalami kemerosotan dalam bidang ilmu pengetahuan, perdagangan dan kehidupan perbandaran.
- Pada masa itu juga tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan.
- Muncul golongan baron (tuan tanah).
- Golongan petani telah terpaksa mencari perlindungan daripada tuan tanah.
- Sebagai tukaran kepada perlindungan yang diharapkan itu, para petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada pihak tuan tanah.
- Terdapat petani yang tidak berkemampuan untuk berbuat begitu, lantas mereka menyerahkan tanah mereka kepada golongan tuan tanah. Jadi, mereka terpaksa menjadi hamba.
- Tuan tanah pula mendapatkan perlindungan daripada golongan raja. Sebagai tukaran kepada perlindungan daripada golongan raja, golongan tuan tanah dikehendaki memberikan khidmat atau membayar cukai kepada raja.

- Jalinan ikatan yang menghubungkan golongan rakyat dengan tuan tanah dan seterusnya raja merupakan asas kepada pembentukan sistem feudal di Eropah. Golongan raja merupakan golongan penaung utama dalam sebuah negara.
- Gereja Katolik merupakan institusi yang amat berkuasa dan memiliki harta tanah yang banyak.
- Institusi ini terlalu memberikan fokus kepada kegiatan amalan agama dan pembelajaran ilmu keakhiratan sahaja.
- Gereja sering dianggap mengontrol kehidupan masyarakat Eropah.
- Kegiatan perdagangan tidak meluas. Perdagangan di perairan pantai Utara dan Barat sering diganggu oleh serangan orang gasar seperti Viking dan Magyar.
- Orang Eropah juga tidak dapat berdagang ke Timur Jauh kerana kawasan Mediterranean pada masa itu dikuasai oleh orang Islam. Orang Eropah tidak berupaya menyaingi penguasaan ini.
- Oleh itu, mereka terpaksa menumpukan kegiatan ekonomi mereka kepada sektor pertanian.
- Perniagaan barang pertanian pula dikendalikan menerusi sistem tukaran barang kerana mata wang yang terdapat dalam pasaran pada masa itu amatlah terhad.

##### Keadaan Dunia Islam Pada Zaman Gelap Di Eropah,

- Dunia Islam telah tegak dengan kegemilangannya sebagaimana yang terbukti pada zaman Khulafa al-Rasyidin, Bani Umayyah, dan Bani Abbasiyah mempunyai pusat pentadbiran yang mantap dan sistem ilmu pengetahuan yang unggul.

---

#### BAB 9 : ZAMAN PERALIHAN / ZAMAN KEMUNCAK PERTENGahan.

---

- Gereja mula memainkan peranan sebagai institusi yang universal serta menjadi ejen penyatuhan.
- Perubahan ekonomi yang ketara hasil pertambahan penduduk, peningkatan aktiviti pertanian dan kemunculan perdagangan.
- Kemunculan bandar-bandar seperti Venice, Milan dan Florence.
- Lahirnya kelas pertengahan yang terdiri daripada artisan, pedagang, dan ahli perbankan.
- Status sosial seseorang itu tidak lagi berdasarkan pemilikan tanah tetapi kekayaan.

- Rakyat mula terlibat dalam kegiatan atau urusan politik. Penglibatan ini berlaku menerusi institusi seperti parliment yang diwujudkan bagi memenuhi tuntutan rakyat.
- Hal ini dengan sendirinya telah memberikan hak politik kepada rakyat dan menjalinkan hubungan antara rakyat dengan pemerintah.

## BAB 9 : ZAMAN RENAISSANCE

### Maksud Renaissance

- Istilah Renaissance berasal daripada perkataan Itali, iaitu renisciment yang bermaksud "kelahiran semula"
- Istilah ini merujuk pada penghargaan semula ilmu yang telah dihasilkan oleh cendekiawan dan pejuang seni dalam tamadun Yunani dan Rom.

### Faktor Kemunculan Zaman Renaissance

#### Aliran Humanisme

- Asas Zaman Renaissance ialah penonjolan terhadap keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan permasalahannya.
- Aliran pemikiran ini dikenali juga sebagai humanisme.

#### Tokoh Humanisme/ Renaissance

- Francesco Petrarch (Bapa Humanisme).
- Niccolo Machiavelli
- Giovanni Boccaccio (1313-1375).

#### Semangat Inkuiiri

- Renaissance sememangnya didorong oleh semangat inkuiiri atau semangat ingin tahu yang kuat.
- Mereka mencari penyelesaian kepada permasalahan hidup dan meneroka bidang dan kawasan baru .

#### Peranan Itali Sebagai Tempat Pertembungan

#### Budaya, Bahasa, Dan Agama / Itali Pusat Perkembangan Idea Baru.

- Dari segi. geografi, kedudukan Itali adalah strategik kerana dikelilingi oleh Laut Mediterranean
- Kedudukan ini telah menjadikan Itali sebagai persimpangan utama dan pusat perdagangan antarabangsa.
- Bandar pelabuhannya yang paling terkenal ialah Venice dan Genoa. Di sinilah pertembungan budaya, bahasa, dan agama

berlaku yang terus menjadikan Itali pusat perkembangan idea baru.

#### Peranan Golongan Gereja

- Golongan kaya, Paus di Rom juga turut menjadi penaung kepada para seniman dan cendekiawan.
- Mereka juga berhasrat untuk menjadikan Rom cantik dan menarik seperti Florence.
- Mereka telah memberikan tumpuan kepada kegiatan seni lukis dan seni ukir
- Paus Julius II telah mengupah pelukis dan pengukir terkenal pada masa itu seperti Leonardo da Vinci, Raphael, dan Michelangelo untuk mencantikkan dan menghiasi gereja dan katedral di Rom dengan ukiran dan lukisan.
- Pada masa inilah Katedral St. Peter yang terkenal itu dibina.
- Dengan usaha golongan Paus ini, pusat seni Renaissance telah berpindah dari Florence ke Rom.

#### Sumbangan Golongan Pelukis Dan Pengukir

- Bakat masing-masing mula dapat dilihat secara jelas.
- Kemahiran mereka mula dihargai dari segi nilai kesenian.
- Pelukis seperti Leonardo da Vinci, Raphael, dan Michelangelo ingin dikenali secara individu, iaitu sebagai tokoh yang tersendiri.
- Semangat dan amalan sebegini dikenali sebagai individualisme.

#### Perubahan Kepada Konsep Pendidikan

- Pada Zaman Renaissance pula pembinaan kemahiran dalam semua aspek intelektual serta fizikal adalah digalakkan di kalangan individu.
- Misalnya, Leonardo da Vinci dan Michelangelo, selain dikenali sebagai pelukis dan pengukir agung, juga disanjung kerana kemahiran mereka dalam bidang ilmu pengetahuan yang lain.

#### Mengapakah Renaissance bermula di Itali pada abad ke-14?

- Di Itali, telah muncul bandar-bandar terkenal seperti Venice, Genoa, Florence, Rom, dan Milan yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa.
- Dari segi. geografi, kedudukan Itali adalah strategik kerana dikelilingi oleh Laut Mediterranean.

- Kedudukan ini telah menjadikan Itali sebagai persimpangan utama dan pusat perdagangan antarabangsa.
- Bandar pelabuhannya yang paling terkenal ialah Venice dan Genoa. Di sinilah pertembungan budaya, bahasa, dan agama berlaku yang terus menjadikan Itali pusat perkembangan idea baru.
- Aktiviti perdagangan di Itali ini telah membawa kepada kemunculan para pedagang kaya.
- Mereka ini telah menggunakan kekayaan mereka untuk mengindahkan bandar dan menjadikannya tumpuan para seniman dan cendekiawan.
- Golongan pedagang kaya ini kemudiannya menjadi patron atau penaung kepada para pelukis, ahli muzik, saintis dan penulis.
- Antara patron yang terkenal termasuklah keluarga Medici di Florence.
- Golongan patron ini telah berusaha menarik seniman dan cendekiawan yang terbaik dalam pelbagai bidang ke bandar masing-masing.
- Lantas berlakulah persaingan antara bandar-bandar di Itali untuk mendapatkan tokoh cendekiawan Renaissance.
- Pada masa yang sama, bagi tujuan menyiapkan tugasan atau kerja masing-masing, para seniman dan cendekiawan ini sering berkunjung dari bandar ke bandar.
- .
- Jadi, kegiatan mereka ini secara tidak langsung telah membantu menyebarkan idea Renaissance ke merata tempat di Itali.
- Biarpun Itali merupakan pusat Renaissance, namun, tokoh Renaissance juga muncul di beberapa buah negara Eropah lain. Di England, contohnya, muncul tokoh pernikir seperti Thomas More (1478-1535). Francis Bacon (1561-1626) dan William Shakespeare (1564-1616).

**Mengapa Golongan Gereja Tidak Mahu Menaungi Ahli Sains?**

- Mereka tidak bersedia menaungi ahli sains dan ahli matematik kerana khuatir kumpulan saintis tersebut akan mencabar pemikiran yang dibawa oleh Gereja Katolik.
- Para saintis menekankan kaedah pemerhatian atau empirikal serta penggunaan akal dan logik dalam menerangkan sesuatu fenomena alam.
- Sebaliknya, pihak Gereja terus menekankan penjelasan tradisional. Lantas konflik atau perselisihan pendapat berlaku seperti dalam kes Galileo Galilei.

## TINGKATAN LIMA

**BAB 1 : NASIONALISME DI THAILAND****FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN NASIONALISME****Dasar penjajah Barat**

- Sistem birokrasi Barat tidak memberikan peluang yang sewajarnya kepada rakyat tempatan
- Rakyat tempatan terus kekal dalam ekonomi tradisional yang serba kekurangan.
- Sistem Tanaman Paksa di Indonesia dan Sistem Polo di Filipina jelas menindas penduduk peribumi.
- Penjajah juga telah mewujudkan jurang sosial dengan menganggap bahawa mereka berada dalam kelas yang tersendiri.
- Selain itu mereka hanya layak berdampingan sesama mereka dan bergaul dengan golongan elit tempatan yang terdiri daripada golongan bangsawan serta golongan pegawai kerajaan yang berpendidikan Barat.
- Dasar keterbukaan penjajah terhadap kemasukan imigran pula menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat tempatan kerana penguasaan golongan tersebut dalam bidang ekonomi.

**Pengaruh agama**

- Agama telah berjaya **menyatukan rakyat** tempatan untuk menghadapi penindasan dan pengaruh kebudayaan Barat serta agama Kristian.
- Agama berperanan **sebagai alat perpaduan** dan golongan agama sebagai pencetus nasionalisme.
- Gerakan Islam telah memperjuangkan Pan-Islamisme, iaitu penyatuan dunia Islam menentang penjajah Barat.
- Agama Kristian yang diperkenalkan oleh Sepanyol telah menyatupadukan penduduk peribumi untuk menentang kuasa tersebut.
- Keadaan ini berlaku kerana penganut Kristian tempatan dianggap kelas dua berbanding penganut Kristian berbangsa Sepanyol.

**Karya kesusasteraan**

- Karya-karya ini merupakan media untuk menyampaikan mesej kesengsaraan dan kekecewaan terhadap penindasan penjajah yang akhirnya membangkitkan kesedaran bangsa dan kecintaan terhadap tanah air.

- Di Filipina, novel Noli Me Tangere karya Jose Rizal bukan sahaja mencetuskan gerakan nasionalisme di negara itu tetapi juga menjadi inspirasi terhadap gerakan nasionalisme di rantau Asia Tenggara.
- Di Indonesia, cerpen Kerikil-kerikil Tajam dan Ke Makam Bonda karya Chairil Anuar begitu berpengaruh.
- Di Tanah Melayu pula, Putera Gunung Tahan karya Pak Sako adalah antara puluhan novel yang ferkenal.

**Sistem pendidikan**

- penjajah mengamalkan **sikap pilih kasih** dalam menyediakan kemudahan pendidikan dengan mengutamakan sekolah yang menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar.
- Penjajah hanya memberikan pendidikan pada peringkat rendah dan terhad kepada golongan elit dan penduduk bandar. Misainya,
- Di Indonesia, anak golongan priayi diberikan pendidikan yang tersendiri dan diasingkan daripada anak orang kebanyakan.
- Di Burma, pendidikan sekular dan pendidikan mualigh yang diperkenalkan telah menjadi **ancaman** terhadap sekolah Buddha.
- Di Tanah Melayu pula, lepasan sekolah vernakular sukar mendapat pekerjaan berbanding lepasan sekolah Inggeris.

**Kemunculan golongan intelektual**

- Golongan ini yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Barat dan di Asia Barat **telah didedahkan dengan idea falsafah Barat dan Islam**.
- Pengalaman mereka di Barat dan di Asia Barat telah menyedarkan golongan ini betapa pihak penjajah tidak mentadbir tanah jajahan seperti mereka mentadbir negara mereka sendiri.
- Golongan inilah kemudiannya yang memimpin gerakan nasionalisme setelah kembali ke tanah air.
- Pada peringkat awal mereka hanya **menuntut taraf hidup bangsa mereka dibela** tetapi akhirnya mereka meminta penjajah membebaskan negara mereka.

**Pengaruh media massa seperti akbar dan majalah**

- Akhbar dan majalah berupaya **menyebarluaskan idea-idea nasionalis** dan **menanam perasaan antipenjajah** kepada rakyat jelata.

- Di Vietnam, Tribune Indigene dan Doche Felee merupakan akhbar yang berpengaruh.
- Di Tanah Melayu, al-Ikhwan, Saudara, Warta Malaya dan Majlis adalah antara akhbar yang utama.

#### **Perkembangan dalam sistem pengangkutan dan perhubungan**

- Kewujudan perkhidmatan telefon dan telegraf memudahkan hubungan di kalangan nasionalis.
- Pembinaan jalan kereta api dan jalan raya dapat menghubungkan kawasan-kawasan yang sebelumnya terpisah & memudahkan rakyat dan para pemimpin bertemu dan membincangkan idea-idea nasionalisme.

#### **Pengaruh luar**

- **Kejayaan Jepun menewaskan China** pada tahun 1895 dan Rusia pada tahun 1905 telah membuka mata para nasionalis di Asia Tenggara kerana keupayaan sebuah negara kecil mengalahkan negara besar.
- Perjuangan Mahatma Gandhi di India menentang British juga telah memberikan inspirasi kepada nasionalis di negara-negara Asia Tenggara.

---

#### **BAB 1 : NASIONALISME DI THAILAND**

---

##### **Tahap pertama**

- Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza daripada yang berlaku di negara lain di Asia Tenggara yang bersifat antipenajah.
- Nasionalisme di Thailand pada tahap pertama merupakan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja dan juga penentangan terhadap raja berkuasa mutlak.
- Perkembangan sistem pendidikan Barat telah memberikan pendedahan terhadap fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan kepada golongan intelek Thailand.
- Kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati.
- Ini membawa kepada penubuhan Parti Rakyat pada tahun 1932 oleh Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songram.
- Parti Rakyat telah melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak.

##### **Tahap kedua**

- Gerakan nasionalisme tahap kedua di Thailand disebabkan oleh rasa tidak puas hati rakyat

terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina.

- Semasa Phibul Songram menjadi Perdana Menteri, beliau meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina. Malah sekolah Cina dan akhbar Cina dibubarkan.
- Penduduk peribumi digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi.
- Jawatan tertinggi dalam kerajaan pula hanya untuk penganut agama Buddha.
- Pada tahun 1939, Phibul Songram telah menukar nama negara Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas.
- Hasil daripada bekerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua Thailand telah berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di IndoChina dan di Tanah Melalu.

---

#### **BAB 3 : SISTEM PERUNDANGAN DI MELAKA**

---

- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua sumber undang-undang bertulis yang dipengaruhi oleh hukum adat tempatan dan agama Islam, iaitu **Hukum Kanun Melaka** dan **Undang-undang Laut Melaka**.
- **Hukum Kanun Melaka** mengandungi **44 fasil** yang menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang di kalangan anggota masyarakat.
- Hukum Kanun Melaka ini turut menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam, undang-undang keluarga dan sebagainya.
- **Undang-undang Laut Melaka** pula memperuntukkan **perkara yang berkaitan dengan tatacara pelayaran** di laut seperti tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, perniagaan, bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah

---

#### **BAB 3 : SISTEM PERUNDANGAN DI JOHOR**

---

##### **UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN JOHOR**

- Diperkenalkan oleh **Sultan Abu Bakar**
- Merupakan perlumbagaan bertulis yang teratur dan lengkap
- Dikuatkuasakan pada tahun 1895.
- Mengandungi perkara tentang **keturunan sultan sebagai pewaris takhta, pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor dan agama Islam sebagai agama negeri**.
- Diasaskan mengikut perlumbagaan Barat.

**Raja**

- Raja hendaklah **berbangsa Melayu, lelaki, beragama Islam** dan merupakan waris pemerintah Johor.
- Raja berhak **memilih Menteri Besar**, manakala jawatan Naib Menteri Besar ditentukan oleh Jemaah Menteri dengan perkenan Raja.

**Majlis Mesyuarat Kerajaan**

- Dibahagikan kepada dua, iaitu **Majlis Negeri** yang mempunyai kuasa perundangan dan **Jemaah Menteri** yang mempunyai kuasa pelaksanaan.
- Menteri dan Jemaah Pangkuhan Negeri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa atau kerajaan lain.
- **Majlis Negeri** dipengerusikan oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua dan berfungsi membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri dan rakyat seperti yang termaktub dalam Fasal 49 perlembagaan berkenaan.
- **Jemaah Menteri** pula terdiri daripada 8 hingga 12 orang pegawai kanan kerajaan yang menjadi ahli Majlis Negeri.
- Mereka ini berbangsa Melayu, beragama Islam dan merupakan rakyat Johor

**Tugas Dan Tanggungjawab**

- Setiap pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Menteri mesti **mengangkat sumpah** dan memberikan taat setia kepada Raja serta kerajaan Johor.
- **Persidangan Jemaah Menteri** diadakan sebulan sekali dan pada bila-bila masa sahaja apabila dikehendaki oleh Raja atau diminta oleh Menteri Besar atau Naib Menteri Besar atau dengan permintaan tiga orang ahli Jemaah Menteri.

**BAB 3 : SISTEM PERUNDANGAN DI TERENGGANU****TERENGGANU – UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN TERENGGANU**

- Diluluskan oleh **Sultan Zainal Abidin III** (1881 - 1918) yang memerintah Terengganu selepas kemangkatan ayahanda baginda, iaitu Sultan Ahmad Shah pada tahun 1911
- Undang-undang ini dikenali sebagai **Ittiqan-ilmuluk bi-ta'dil il-suluk** yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan.
- Undang-undang ini **berasaskan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895**.

- Tujuan baginda memperkenalkan perlembagaan bertulis tersebut adalah untuk **menghalang British meluaskan kuasanya** di Terengganu.
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu 1911 menghasilkan beberapa perubahan penting dalam pentadbiran dan pemerintahan negeri Terengganu.
- Undang-Undang ini **masih mengekalkan amalan sistem monarki** dengan memberikan kedudukan yang istimewa kepada agama Islam, iaitu sebagai agama negeri.
- Pemerintahan beraja di Terengganu bercorak **raja berperlembagaan**.
- Pemerintah Terengganu mesti beragama Islam, berbangsa Melayu, lelaki, dan merupakan waris Sultan yang memerintah Terengganu.
- Dalam melaksanakan pemerintahan, Sultan dibantu oleh **Majlis Mesyuarat Kerajaan** dan **Jemaah Menteri**.
- Menteri yang menganggotai Mesyuarat Kerajaan mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu, rakyat Terengganu, serta mengaku taat setia kepada Sultan dan kerajaan.
- Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh **Menteri Besar** yang dilantik oleh Sultan.
- Jemaah Menteri pula berhak memilih **Naib Menteri Besar** setelah diperkenankan oleh Sultan.
- Ahli Mesyuarat Kerajaan bertanggungjawab membantu Sultan dan Jemaah Menteri untuk mentadbir negeri, menggubal undang-undang dan peraturan negeri, menjaga kebijakan rakyat, menjaga keamanan negeri dan menjalinkan hubungan persahabatan dengan negeri lain.
- Waris Sultan atau Menteri dilarang mengkhianati pemerintah negeri dan ditegah daripada menyerahkan negeri kepada kuasa lain.
- Pemerintah Terengganu menyedari kepentingan perlembagaan bertulis yang teratur dan mantap untuk menjamin sistem pentadbiran yang berkesan.
- Selain itu, perlembagaan bertulis ini juga menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dan sebagai benteng atau tulang belakang untuk mengekalkan kedaulatan negeri Terengganu.

#### **BAB 4 : PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948**

PTM dikuatkuasakan pada **1 Februari 1948** melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Perjanjian Malayan Union.

#### **FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

##### **Ketegasan orang Melayu**

- Orang Melayu membantah Malayan Union di bawah pimpinan Dato' Onn Ja'afar yg bertegas tidak mahu menerima Malayan Union..
- Perpaduan di kalangan orang Melayu yang terdiri daripada golongan raja dan rakyat telah dapat mengatasi pihak lain yang menyokong Malayan Union.
- Keupayaan orang Melayu memujuk dan mendesak British untuk menghidupkan semula dasar perlindungan telah membantu mereka menolak Malayan Union.

##### **Sokongan bekas pegawai British**

- Sokongan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua juga mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu.
- Antara mereka termasuklah Sir Frank Swettenham, Sir R.O. Winstedt, Sir George Maxwell dan Sir Cecil Clementi. Mereka menolak dasar menakluk Tanah Melayu.
- Sokongan daripada pegawai tinggi British seperti Sir Malcolm MacDonald, Sir Edward Gent dan L.D. Gammans telah membantu orang tempatan menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu.

##### **Sikap politik orang Melayu yang sederhana**

- Sikap politik orang Melayu yang sederhana telah mendorong British menerima kehendak mereka.
- Orang Melayu hanya menulis dalam akhbar, berdemonstrasi, berkongres dan memujuk Raja-Raia Melayu untuk menyokong penentangan terhadap British.
- Mereka tidak mengangkat senjata seperti Parti Komunis Malaya (PKM).

##### **UMNO dan Raja-Raia Melayu tidak menuntut kemerdekaan**

- British memilih UMNO dan Raja-Raia Melayu kerana kedua-duanya hanya menuntut rundingan untuk menolak Malayan Union.
- Mereka tidak menuntut kemerdekaan daripada British. Faktor inilah yang menyebabkan British

menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.

##### **Bimbang orang Melayu akan dipengaruhi oleh gerakan politik Indonesia**

- British juga bimbang orang Melayu akan dipengaruhi oleh gerakan politik Indonesia yang dikuasai oleh golongan radikal seperti PKMM, API, AWAS dan BATAS

##### **Piagam Atlantik 1945**

- Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak menggalakkan penjaahan baru,
- Negara-negara kolonial memberikan latihan berkerajaan sendiri kepada penduduk tempatan.
- Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu merupakan satu langkah yang sesuai ke arah mencapai hasrat PBB tersebut.

#### **LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

- British telah **menubuhkan sebuah Jawatankuasa** Eksekutif yang dianggotai oleh 12 orang ahli. Mereka terdiri daripada pegawai kanan British, pemimpin UMNO dan wakil Raja-Raia Melayu.
- Mereka **mengadakan mesyuarat** di King's House, Kuala Lumpur. Pada dasarnya, ada lima tuntutan orang Melayu, iaitu:
  - Raja-Raia Melayu dan UMNO menolak semua prinsip dan struktur Malayan Union.
  - Mereka menginginkan sebuah persekutuan seperti konsep Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
  - Mereka menolak kerakyatan terbuka Malayan Union.
  - Mereka meminta dasar perlindungan terhadap Negeri-Negeri Melayu dan orang Melayu dipulihkan.
  - Mereka menuntut supaya Raja-Raia Melayu sebagai ketua Negeri-Negeri Melayu diakui semula.
- Perundingan ini **ditentang oleh orang dagang dan golongan radikal Melayu** pimpinan Dr. Burhanuddin Ali-Helmy.
- Mereka berpendapat Jawatankuasa Eksekutif itu tidak mewakili semua pihak kerana tidak disertai oleh seorang pun perwakilan orang dagang.
- Mereka **menuntut konsep sebuah republik dan kemerdekaan penuh**.

- Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya atau All Malayan Council of Joint Action (**AMCJA**) dan Pusat Tenaga Rakyat (**PUTERA**) telah **ditubuhkan** pada awal tahun 1947 untuk menentang British dan UMNO.
- Mereka mengadakan pelbagai tindakan seperti **ceramah politik, demonstrasi** dan **mogok**.
- Mereka turut **mencadangkan** sebuah perlombagaan, iaitu **Perlombagaan Rakyat**.
- Untuk berlaku adil, British telah bersetuju menuju **Jawatankuasa Perunding** bagi mendapatkan pandangan mereka dalam menyediakan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani pada 21 Januari 1948 antara Raja-Raja Melayu dengan British di King's House, Kuala Lumpur

#### CIRI-CIRI PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

##### Ciri-ciri Utama Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

- Sebuah persekutuan dibentuk dengan **gabungan sebelas buah negeri**.
- Persekutuan Tanah Melayu **diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British**.
- Konsep **Raja Berperlombagaan diwujudkan**.
- **Senarai Persekutuan** dan **Senarai Negeri** dibentuk.
- Pesuruhjaya Tinggi British menjaga **kedudukan istimewa orang Melayu**.
- **British masih menguasai Tanah Melayu** kerana kemerdekaan belum diberikan.
- **Perkongsian kuasa** telah dilakukan antara **Majlis RajaRaja** dengan **Pesuruhjaya Tinggi** pada peringkat pusat.
- Pada peringkat negeri, **Sultan menjadi ketua negeri** dan **berkuasa melantik Menteri Besar** sebagai ketua pentadbir negeri.
- **Terdapat pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri** dan seterusnya membentuk Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.

Persekutuan Tanah Melayu 1948 ini juga menjelaskan perkara-perkara berikut:

- **Syarat kerakyatan diperketatkan**. Prinsip kerakyatan jus soli adalah untuk Rakyat Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu dan Rakyat British bagi Negeri-Negeri Selat (Melaka dan Pulau Pinang).
- British **mengiktiraf semula ketuanan Melayu** sebagai asas pembentukan Persekutuan Tanah

Melayu. Dasar ini memang telah diakui oleh British sejak Perjanjian Pangkor 1874.

- **Institusi Raja Melayu dikekalkan** dengan bidang kuasa dan kedudukannya yang jelas dalam pentadbiran.
- Setiap negeri Melayu malah mengadakan perjanjian dan perlombagaan bertulis dengan British. Perlombagaan itu dikenali sebagai **Undang-undang Tubuh Negeri** yang digunakan sehingga hari ini.

Pengenalan semula Rakyat Raja Melayu membuktikan penerusan dasar perlindungan British terhadap kedudukan istimewa orang Melayu, status quo Negeri-Negeri Melayu yang dilindungi, agama Islam dan adat istiadat Melayu sebagai teras ketuanan bangsa Melayu.

Prinsip-prinsip ini telah dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 sebagai undang-undang bertulis. Perkara ini menjadi asas kepada Kontrak Sosial antara British dengan Raja-Raia Melayu dan orang Melayu yang diteruskan selepas tahun 1948.

#### TOKOH-TOKOH PENGERAK PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

- Terdapat **sembilan orang Raja Melayu** yang terlibat. Mereka telah menyediakan tuntutan dan cadangan yang sesuai untuk menjaga status dan keselamatan rakyat.
- Antara sultan yang bersuara tegas ialah **Sultan Badlishah** (Kedah), **Sultan Abdul Aziz** (Perak) dan **Sultan Ibrahim** (Johor).:
  - Mereka telah menuntut supaya kuasa Raja-Raja Melayu dikembalikan seperti sebelum tahun 1941.
  - Mereka juga menuntut perlindungan kepada rakyat Melayu sebagai Rakyat Raja Melayu juga patut dikekalkan.
  - Mereka tidak menolak kehadiran British tetapi menuntut supaya kuasa mereka serta perlindungan kepada orang Melayu dan hal ehwal ketuanan Melayu dipelihara.
- Rakyat pula telah diwakili oleh **para pembesar** yang bertindak sebagai penasihat kepada raja masing-masing. Sebahagian daripada mereka merupakan **pemimpin UMNO** yang mendukung idea penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Antara tokoh tersebut termasuklah **Dato' Onn Jaafar** (Menteri Besar Johor dan juga Yang Dipertua UMNO), dan **Dato' Nik Ahmed Kamil** (Menteri Besar Kelantan).

- Mereka bersama-sama Raja-Raja Melayu mencadangkan dan mendesak British melindungi kepentingan orang Melayu berserta Raja-Raja Melayu.
- Kerjasama mereka telah membolehkan prinsip-prinsip politik, pentadbiran, agama Islam dan bahasa Melayu serta pengekalan institusi Raja Melayu berjaya dimasukkan ke dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

## BAB 7 : RAJA BERPELEMBAGAAN

- Raja Berperlembagaan bermaksud *sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia*.
- Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia dan nasihat Perdana Menteri. Semasa menjalankan tugasnya, baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan budi bicara baginda untuk membuat keputusan.
- Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan sembilan orang Raja Melayu daripada sembilan buah Negeri Melayu secara bergilir-gilir. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.
- Sistem Raja Berperlembagaan merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka sehingga kini. Sistem ini malah membantu memantapkan kewibawaan institusi beraja di negara kita di samping memberikan keseimbangan kepada raja yang menaungi rakyat dan rakyat yang dinaungi oleh raja.

## BIDANG KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG MENGIKUT PERLEMBAGAAN MALAYSIA

- Sebagai ketua negara, Yang di-Pertuan Agong mengetuai tiga badan kerajaan, iaitu badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari).
- Yang di-Pertuan Agong merupakan satu daripada tiga unsur Parliment. Baginda mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parliment.
- Baginda merupakan Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata. Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera.
- Baginda bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu. Baginda boleh menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan,


kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu.

- Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah.
- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Nanterre Baginda mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri.
- Yang di-Pertuan Agong boleh mengisyiharkan undangundang darurat di bawah 'Undang-undang X' jika mendapati keselamatan negara terancam.
- Baginda melantik Pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, ahli Perkhidmatan Kehakiman, serta Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Baginda bertanggungjawab melantik Peguam Negara dan seorang Ketua Audit Negara bagi Persekutuan. Yang diPertuan Agong mempunyai kuasa tertinggi untuk mentauliahkan duta-duta negara kita.

## BAB 7 : PROSES PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG

Huraikan proses penggubalan undang-undang di Malaysia.

1. CADANGAN oleh kementerian
2. PENGGUBALAN rang undang-undang oleh Jabatan Peguam Negara
3. PEMBACAAN PERTAMA di Dewan Rakyat, iaitu pembacaan tajuk rang undang-undang sahaja
4. PEMBACAAN KEDUA di Dewan Rakyat dan rang undang-undang dibahaskan
5. PERBINCANGAN secara terperinci tentang rang undang-undang ini pada peringkat jawatankuasa di Dewan Rakyat
6. PEMBACAAN KETIGA di Dewan Rakyat. Rang undang-undang ini dibahaskan sebelum diluluskan untuk dikemukakan ke Dewan Negara.
7. PEMBENTANGAN di Dewan Negara. Proses yang sama seperti di Dewan Rakyat diulangi.
8. PENYERAHAN rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Negara kepada DYMM Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan dan diturunkan cop Mohor Negara.
9. PEWARTAAN atau pemberitahuan undang-undang ini dalam Warta Kerajaan.



## BAB 7 : LAMBANG-LAMBANG NEGARA

### LAMBANG-LAMBANG NEGARA

- Antara lambang negara kita termasuklah
  - jata negara,
  - bendera kebangsaan
  - dan lagu kebangsaan.
- Tujuannya supaya rakyat sentiasa bersemangat, bersatu padu dan songgup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara Malaysia.

### JATA NEGARA

- Setiap negara mempunyai jata negara masing-masing. Jata negara Malaysia menjadi lambang kemegahan penduduk negara ini. Setiap lambang pada jata negara mempunyai maksud yang tertentu.

### BENDERA KEBANGSAAN

#### Langkah-langkah / Usaha Membentuk Bendera Kebangsaan

- Pada tahun 1949, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat perakuan berhubung dengan reka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu.
- Majlis Perundungan Persekutuan telah mengadakan pertandingan pada peringkat kebangsaan bagi memilih bendera Persekutuan Tanah Melayu yang baru.
- Seramai 373 orang pereka bentuk telah mengambil bahagian
- Tiga reka bentuk bendera dipilih ke peringkat akhir.
- Majlis Perundungan Persekutuan dan akhbar The Malay Mail menjemput orang ramai memberikan pendapat tentang reka bentuk bendera tersebut.
- Pada 28 November 1949, akhbar The Malay Mail telah menyiaran keputusan majoriti orang ramai.

- Reka bentuk ciptaan Encik Mohamad Hamzah, arkitek kerajaan di Johor, telah terpilih.
- Pada 22 dan 23 Februari 1950, beberapa pindaan telah dibuat terhadap reka bentuk bendera tersebut sebelum diluluskan oleh Majlis Perundungan Persekutuan pada 19 April 1950.
- Pada 19 Mei 1950, King George VI telah memperkenankan reka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu yang baru itu.
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu berkibar buat kali pertama pada 26 Mei 1950 di perkarangan Istana Sultan Selangor dengan dihadiri oleh DYMM Raja-Raja Melayu dan pegawai-pegawai King George VI.
- Bendera Malaysia dikenali juga dengan nama Jalur Gemilang.
- Bendera kebangsaan berkibar megah di negara kita sebaik-baik sahaja bendera Union Jack diturunkan pada tengah malam 31 Ogos 1957.

#### Kepentingan Bendera Kebangsaan

- Bendera kebangsaan membezakan Malaysia daripada negara lain.
- Bendera kebangsaan berfungsi untuk membangkitkan semangat perjuangan.
- Jalur Gemilang sentiasa dikibarkan dalam majlis dan adat istiadat rasmi. Misalnya, pada Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong,
- Bendera Malaysia dikibarkan di semua bangunan kerajaan dan juga premis persendirian sebagai tanda ketaatan kita kepada raja dan negara.
- Kita berasa menjadi lebih patriotik apabila Jalur Gemilang dikibarkan.
- Kita lebih bersemangat apabila setiap rakyat Malaysia menjadikan bendera kebangsaan sebagai simbol perpaduan, kebanggaan dan kedaulatan.

### LAGU KEBANGSAAN

#### Langkah-langkah / Usaha Mencipta Lagu Kebangsaan

- Sebelum merdeka lagu kebangsaan negara kita ialah lagu kebangsaan British, iaitu God Save the Queen.
- Lagu kebangsaan negara kita dikenali dengan tajuk Negaraku.
- Lagu Negaraku dicipta pada tahun 1957.
- Pemilihan lagu ini dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang mengetuai sekumpulan jemaah hakim di Dewan Polis Depoh, Kuala Lumpur.

- Pasukan Pancaragam Polis Diraja telah memperkenalkan empat buah lagu.
- Lagu Terang Bulan, iaitu lagu kebangsaan negeri Perak telah dipilih kerana mempunyai unsur kemelayuan.
- Majlis Raja-Raja Melayu telah memperkenalkan keputusan jemaah hakim tersebut.
- Lirik lagu kebangsaan ini telah digubah semula oleh Encik Saiful Bahri berdasarkan lagu Terang Bulan.
- Lirik lagu kebangsaan negara menggambarkan kesetiaan rakyat yang tidak berbelah bagi kepada tanah air.
- Lirik lagu kebangsaan juga menuntut kita supaya bersyukur, taat kepada raja dan sanggup berkorban demi mempertahankan negara.
- Lagu kebangsaan membangkitkan semangat patriotik dan cinta akan tanah air. Semua orang bangga dengan lagu kebangsaan negara.

## BAB 8 : RANCANGAN MALAYA 1

### Matlamat

- untuk membangunkan kawasan luar bandar supaya jurang perbezaan pendapatan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar dapat dirapatkan.
- bertujuan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.
- untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan sumber pendapatan negara supaya negara tidak terlalu bergantung pada getah dan bijih timah.

### Usaha Untuk Mencapai Matlamat

#### Sektor ekonomi

- pembukaan tanah baru untuk pertanian dijadikan,
- penanaman semula getah oleh pekebun kecil dan secara ladang digalakkan,
- hasil keluaran pertanian dipelbagaikan
- perusahaan melombong bijih timah diperluas.

#### Sektor sosial

- pelbagai perkhidmatan diberikan perhatian seperti kesihatan, pendidikan dan perhubungan.

#### Sektor awam

- Infrastruktur seperti balai polis, kem tentera, pejabat pos, mahkamah dan rumah kakitangan kerajaan diberikan tumpuan.

### Agensi

- Dua agensi utama kerajaan memainkan peranan penting, iaitu
  - Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA)
  - dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Federal Land Development Authority (FELDA).

### Pembangunan Luar Bandar

- Kerajaan menujuhkan **Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar** pada tahun 1959 yang diketuai oleh Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein, iaitu Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu.
- Kementerian ini diberikan peranan untuk menyelaraskan dan menjayakan segala program pembangunan luar bandar.
- Bagi tujuan tersebut kedua-dua agensi, iaitu RIDA dan FELDA kemudiannya diletakkan di bawah kementerian ini.

### Faktor Rancangan Malaya Pertama Kurang Memberansangkan

- Ancaman komunis semasa Zaman Darurat menyebabkan sejumlah perbelanjaan negara dialihkan kepada keselamatan negara.
- Keadaan ini juga disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi getah dan bijih timah di pasaran dunia.

## BAB 9 : PERANG DUNIA PERTAMA – FAKTOR

### **Keinginan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar**

- Pada penghujung abad ke-19, negara-negara kecil di Eropah telah bersatu dan membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar, contohnya, Jerman dan Itali.
- Kedua-dua negara ini menyertai kuasa besar Eropah yang lain seperti Britain, Perancis, Austria-Hungary dan Rusia dalam usaha mendapatkan tanah jajahan.
- Nasionalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar ini sanggup berperang bagi membuktikan kekuasaan masing-masing.
- Menjelang penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, persaingan sengit berlaku di kalangan kuasa Eropah ini akibat Imperialisme Baru.
- Kuasa besar mula bersaing bagi membentuk lingkungan pengaruh masing-masing untuk mendapatkan bahan mentah dan untuk memasarkan barang siap mereka.

***Persaingan antara dua pakatan***

- Menjelang awal abad ke- 20, negara Eropah mempunyai dua pakatan, iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
- Persaingan antara kedua-dua pakatan ini mula mengancam perimbangan kuasa dunia yang wujud pada ketika itu.

***Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand***

- Faktor segera yang mencetuskan Perang Dunia Pertama ialah pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, iaitu pewaris takhta Austria-Hungary dan isterinya
- Pembunuhan ini dilakukan oleh seorang pengganas Serbia pada 28 Jun 1914.
- Austria dengan sokongan Jerman telah mengisyiharkan perang terhadap Serbia pada 28 Julai 1914.
- Serbia pula disokong oleh sekutunya Rusia dan Perancis.
- Serangan Jerman terhadap Perancis melalui negara berkecuali, iaitu Belgium telah menimbulkan kemarahan Britain.
- Negara Britain yang sememangnya bermusuhan dengan Jerman turut campur tangan dalam peperangan ini.
- Britain kemudiannya meminta bantuan Amerika Syarikat.
- Serangan Jerman terhadap kapal dagang Amerika Syarikat turut melibatkan negara tersebut dalam peperangan ini.

**BAB 9 : PERANG DUNIA PERTAMA – KESAN****Kesan Perang Dunia Pertama*****Dari segi politik,***

- Perang Dunia Pertama telah menamatkan pemerintahan beraja di Eropah. Persidangan Damai yang diadakan pada bulan Jun tahun 1919 membawa kepada pemeterajan

Perjanjian Versailles. Perjanjian ini telah mengubah peta Eropah dan membentuk beberapa buah negara baru.

- Perjanjian ini juga membawa kepada pembentukan Liga Bangsa pada tahun 1919. Matlamat utama penubuhannya adalah untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa di samping menjamin keselamatan bersama. Keahlian liga ini termasuk negara-negara bersekutu (kecuali Amerika Syarikat) dan negara-negara berkecuali. Namun, liga ini gagal menjamin kesejahteraan dunia.

***Dari segi ekonomi***

- Negara-negara yang berperang mengalami inflasi dan hutang peperangan yang tinggi disebabkan perbelanjaan perang yang terlalu besar.
- Pada akhir peperangan, Pakatan Bertiga telah membelanjakan US\$125 bilion manakala Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion.
- Ini membawa kepada masalah inflasi dan pengangguran.
- Pasaran dunia juga mula diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun. Ini amat dirasai oleh negara-negara Eropah terutama Britain, iaitu sebuah negara industri yang sebelum ini menguasai peratus perdagangan dunia yang terbesar.
- Perang Dunia Pertama Perang Dunia Pertama menyebabkan Britain kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luamya.

***Kesan sosial***

- kehilangan nyawa yang begitu ramai.